

1981

KUALA LUMPUR, 13 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGGESA PEMBUAT PERABUT DAN KRAFTANGAN TEMPATAN SUPAYA BERUSAHA UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI PENGEKSPORT UTAMA BAHAN-BAHAN TERSEBUT.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PAMERAN PERABUT DAN KRAFTANGAN DI CHANGKAT PAVILION DI SINI HARI INI PERDANA MENTERI BERKATA TERDAPAT PASARAN EKSPORT YANG BESAR BAGI PERABUT SEKARANG.

BELIAU BERKATA DENGAN TERTUBUHNYA AGENSI-AGENCI PERDAGANGAN DALAM BENTUK SOGOSHOSHAS DI JEPUN, PERABUT AKAN MENJADI SATU BAHAN PERDAGANGAN DAN PEMASARAN EKSPORTNYA DIJANGKA AKAN MENINGKAT.

PERDANA MENTERI DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH TELAH MELAWAT BERBAGAI GERAI PERTUNJUKAN DI PAMERAN ITU SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN BERKATA BAHAWA REKA BENTUK PERABUT PERLU DIPERBAIKI.

BELIAU BERKATA: "KITA MASIH MUNDUR DALAM KONSEP INI. REKA BENTUK YANG DIFIKIRKAN SESUAI OLEH PEMBELI-PEMBELI MALAYSIA MUNGKIN TIDAK BEGITU KEPADA PEMBELI-PEMBELI LUAR NEGERI."

-- BERSAMBUNG 1407/LK

MAHATHIR-PERABUT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANGLAH MAMAKAN BELANJA YANG BANYAK JIKA SETIAP PEMBUAT PERABUT MENGADAKAN KUMPULAN PEREKA BENTUK, MEREKA SENDIRI TETAPI KALAU PERSATUAN MENUBUHKAN SATU PUSAT UNTUK KERJA-KERJA TERSEBUT, REKA BENTUK BOLEH DISEDIAKAN UNTUK MANA-MANA PEMBUAT PERABUT DENGAN MENGENAKAN BAYARAN.

BELIAU BERKATA PEMBUAT-PEMBUAT PERABUT MALAYSIA TIDAK SEPATUTNYA HANYA MENIRU REKA BENTUK TETAPI MERANGKAKAN REKA BENTUK YANG SESUAI DENGAN PASARAN EKSPORT.

KATANYA SUDAH SAMPAI MASANYA NEGARA INI MENGEKSPORT PERABUT, TIDAK HANYA BAHAN-BAHAN MENTAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGENAKAN CUKAI BARU TERHADAP ROTAN UNTUK TIDAK MENGGALAKKANNYA DIEKSPORT.

-- BERNAMA 1409/LK